


TARIKH	30 JUN 2025 (ISNIN)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	IRAN SECARA RASMI TAMATKAN KERJASAMA DENGAN IAEA		
M/S	28 (DUNIA)	KATA KUNCI	IRAN
BIDANG	NUCLEAR		

28 **DUNIA!**
KOSMO! ISNIN 30 JUN 2025

Iran secara rasmi tamatkan kerjasama dengan IAEA



RAPHAEL GROSSI

TEHRAN – Iran secara rasmi menamatkan kerjasama dengan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) sekali gus menghalang Ketua Pengarahnya, Raphael Grossi daripada mengakses kemudahan nuklear Tehran atau meletakkan kamera pengawasan di sana.

Laman berita *Al Mayadeen* melaporkan, pengumuman itu dibuat oleh Timbalan Speaker Parlimen Iran, Hamid Reza Haji Babaei kelmarin.

“Kami tidak akan lagi memberi kebenaran kepada Grossi untuk hadir di kemudahan nuklear (Iran) dan memasang kamera (di sana) selepas melihat maklumat mengenai kemudahan ini dalam dokumen milik Israel,” kata beliau kepada agensi berita ISNA.

Pemeriksaan terhadap dokumen yang diperoleh mendedahkan bahawa komunikasi rasmi dan sulit Iran dengan IAEA yang mengandungi maklumat nuklear sensitif, telah disalurkan kepada agensi pengintipan Israel, lapor agensi berita *Fars*.

Tehran menuduh IAEA gagal melindungi integriti pemantauannya dan mengakibatkan pelanggaran yang menjejaskan keselamatan negara itu.

Jumaat lalu, Menteri Luar Iran, Abbas Araghchi mengkritik minat Grossi untuk melawat tapak yang diserang Amerika Syarikat (AS) dan Israel baru-baru ini, dengan menyifatkannya ‘tiada guna’ dan ‘mungkin berniat jahat’.

Sehari sebelum itu, Speaker Parlimen, Mohammad Bagher Ghalibaf mengisytiharkan bahawa Tehran menggantung kerjasama undang-undangnya dengan IAEA dengan menyifatkan agensi itu sebagai ‘pelindung dan hamba Israel’.

Keputusan itu dibuat selepas peningkatan dramatik ketegangan pada 22 Jun lalu, apabila AS menyerang kemudahan nuklear Iran di Natanz, Fordow, dan Isfahan. – AGENSI

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
------------------------	--